

06 SEP 2002

IAP-SIBER/I

KESELAMATAN SIBER PERLU DITANGANI DENGAN BIJAK, KATA ANGGOTA IAP

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Persekitaran elektronik yang pantas, terutamanya selepas peristiwa 11 September, memerlukan keselamatan siber dan jenayah siber ditangani dengan serentak seperti ketika munculnya ekonomi konvensional.

Pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Silicon Graphics Inc, Bob Bishop berkata terdapat keperluan untuk mengujudkan bentuk baru tadbir urus untuk mempertahankan kerahsiaan, aset korporat dan juga aset-aset kerajaan dalam persekitaran elektronik.

Katanya dengan wujudnya keselamatan siber dan tadbir urus, syarikat-syarikat MSC akan mempunyai lebih banyak peluang untuk mengembang dan memperkenalkan teknologi baru dan juga produk-produk tanpa perlu bimbang terhadap kerahsiaan dan mempertahankan aset mereka.

Bishop, yang juga anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC, bercakap kepada sidang akhbar sempena mesyuarat keenam MSC-IAP di Cyberlodge View, di sini hari ini.

"Ini hakikatnya adalah satu lagi peluang bagi syarikat-syarikat MSC untuk berkembang ke hadapan dan menjadi pemimpin serantau dan juga dunia dalam penerimaan pakai dan pembangunan teknologi kemunculan baru," katanya.

Katanya ia juga adalah peluang baik untuk membuka pintu bagi perkongsian lebih rapat antara sektor swasta iaitu syarikat-syarikat bertaraf MSC dan orang awam seluruhnya.

Sehingga ini, 495 syariaht temaptan telah diberikan taraf MSC dengan kira-kira 133 terbabit dalam pembangunan perisian dan aplikasi perniagaan.

Yang lain adalah dalam pembangunan kandungan bagi aplikasi generik, rekabentuk kejuruteraan komputer dan perniagaan berasaskan Internet seperti pembekal penyelesaian/perkhidmatan e-dagang, pembekal perkhidmatan aplikasi dan hos web.

Pada sidang akhbar yang sama, ketua pegawai eksekutif Microsoft, USA, Craig Mundie berakta Microsoft tela menerajui dan bergerak ke hadapan untuk menghapuskan isu kandungan Internet yang merosakkan.

Katanya antara usaha yang telah dibuat, ialah untuk mengkaji dan memperolehi sebanyak mungkin maklumat daripada setiap negara mengenai masalah mereka sendiri dalam cuba mengemukakan pengesahan dan mekanisme undang-undang untuk menangani masalah itu.

"Kami mungkin telah mengenali peluang-peluang untuk mengujudkan mekansisme unggul (untuk mengatasi kandungan merosakkan), tetapi salah satu kesukaran adalah bahawa masalah yang timbul adalah berbeza daripada negara ke negara," tambah beliau.

Sementara itu, duta Diana Lady Dougan, penasihat kanan bagi Forum Abad Siber memjui cara Malaysia bergerak ke hadapan dalam menerima taknologi.

"Saya amat gembira dan bahawa kami amat tertarik dengan cara anda menghormati pandangan daripada pihak lain dan bagaimana anda memperolehi bakat pelbagai kaum untuk menjadikan kenyataan inisiatif MSC bagi kebaikan negara dan rakyatnya," katanya.

Beliau memuji kepimpinan Dr Mahathir dalam membuka jalan bagi rakyatnya maju selaras dengan teknologi dunia terancangih.

Dua puluh enam peserta mengandungi 14 anggota IAP dan 12 wakil menghadiri mesyuarat itu. Mereka merupakan kumpulan peserta penting dan pakar-pakar antarabangsa daripada industri ICTG sedunia, yang memberikan nasihat kepada kerajaan Malaysia dalam membangunkan MSC, sebuah pusat pembangunan multimedia seluas 750 km persegi dari selatan pusat bandaraya

Kuala Lumpur ke KLIA. -- BERNAMA  
WNZ MAD KTC OS